

KHUTBAH JUMAAT

“RAMADAN: BERSEDIKAH KITA?”

(24 Mac 2023M/ 2 Ramadan 1444H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيِّ الْحَمِيدِ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan menunaikan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita beroleh kejayaan, kebahagiaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat. Khatib mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang *lagha* (sia-sia) seperti berbual-bual atau menggunakan telefon. Marilah kita bersama-sama mendengar dan menghayati khutbah yang bertajuk : **“Ramadan: Bersediakah kita?”**.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Bulan Ramadan sudah pun tiba. Bulan yang penuh dengan kelebihan dan kurniaan dari Allah *subhanahu wata'ala* kepada

hamba-hamba-Nya yang beriman dan bertakwa. Bulan yang diturunkan al-Quran dan bulan diwajibkan berpuasa yang tidak terdapat dalam bulan-bulan selainnya. Berusaha serta bersungguhlah dalam melaksanakan kewajiban ini, demi mencari redha dan keampunan Allah, Tuhan Yang Maha Esa. Rasulullah *sallallahu alaihiwasallam* bersabda:

مَنْ صَامَ رَمَضَانَ، إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا، غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ

Maksudnya: *“Barangsiapa yang berpuasa di bulan Ramadhan dengan penuh keimanan dan pengharapan, maka akan diampunkan dosanya yang telah lalu”.*

Riwayat Imam al-Bukhari dan Muslim

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Ramadan merupakan bulan ke sembilan dari bulan-bulan Islam yang diwajibkan ke atas umatnya yang mukallaf untuk berpuasa selama sebulan. Allah *subhanahu wata’ala* membuka seluas-luasnya pintu syurga, syaitan-syaitan dibelenggu agar hamba-hamba-Nya dapat beramal, menyucikan diri seterusnya beroleh kerahmatan. Daripada Abu Hurairah *radhiallahu anhu*, Rasulullah *sallallahu alaihiwasallam* bersabda yang bermaksud:

“Apabila menjelmannya Ramadan, nescaya dibuka pintu syurga, ditutup pintu-pintu neraka dan dibelenggu syaitan-syaitan”.

(Hadis riwayat Imam al-Bukhari dan Muslim)

Ambillah peluang yang Allah *subhanahu wata'ala* kurniakan kepada kita. Tanamkanlah rasa cinta menerima kehadiran tetamu agung Ramadhan al-Mubarak ini. Dengan kecintaan ini akan mendorong menaikkan semangat kita dengan melakukan amal ibadah dan kebajikan dengan istiqamah. Dengarkanlah akan Al-Quran dan hadis-hadis Rasulullah berkaitan fadilat puasa dan berkaitan dengannya, kerana ia akan mempertingkatkan semangat kita untuk melaksanakan setiap perintah dan ketaatan kepada Yang Maha Pemurah. Redha Allah *subhanahu wata'ala* jualah yang kita harapkan. Semoga Allah *subhanahu wata'ala* mempermudah urusan kita dalam mengabdikan diri kepada-Nya agar beroleh ganjaran.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Pada hari Jumaat pertama yang penuh dengan keberkatan, khatib turut menyeru umat Islam agar bersungguh-sungguh menghayati Ramadan pada tahun ini dengan penuh keinsafan serta melakukan ibadah dan kebajikan yang membina ketakwaan selari dengan tujuan pensyariatan ibadah puasa. Antaranya;

Pertama: Memelihara kefardhuan solat fardhu dan kewajipan puasa, memperbanyakkan solat sunat tarawih dan solat-solat sunat, membaca al-Quran, berzikir, solat fardhu berjemaah di masjid, qiamullail dan sebagainya.

Kedua: Memelihara adab-adab berpuasa seperti menjaga anggota dan pancaindera dari melakukan perkara-perkara yang diharamkan ketika berpuasa seperti menjaga pandangan, pendengaran, percakapan, perbuatan daripada perkara-perkara yang diharamkan dan sia-sia. Begitu juga menahan perut daripada makan makanan dan minuman yang syubhah apatah lagi yang haram terutamanya ketika bersahur dan berbuka puasa .

Ketiga: Memperbanyakkan bersedekah serta contohilah keperibadian Rasullullah *sallallahu alaihiwasallam*. Insan teragung, yang paling dermawan lebih-lebih lagi dalam bulan Ramadan.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Dalam bulan Ramadan, syaitan terbelenggu. Sudah tentu, hawa nafsulah yang perlu kita ambil perhatian agar ianya terkawal. Bulan ini adalah bulan latihan bagi mengawal nafsu ammarah yang cenderung kepada perkara maksiat dan kejahatan, nafsu syahwat, nafsu makan dan seumpamanya. Dalam keadaan lapar atau perut kosong, keinginan nafsu makan kita bertambah. Ianya perlu dikawal, agar tidak berlebihan membeli makanan dan menyediakan hidangan berbuka puasa sehingga berlakunya pembaziran.

Di samping menunaikan tuntutan agama, puasa menjadi benteng daripada melakukan maksiat dan ia merupakan latihan rohani dan jasmani. Oleh itu, tunaikanlah ibadah puasa berpandukan ajaran Islam yang sebenar. Berpuasa bukan sekadar menahan lapar dan

dahaga sahaja, bahkan berusaha melakukan amal kebajikan dan ibadah serta menjauhi segala tegahan melanggar syariat.

Daripada Abu Hurairah *radhiAllahu anhu* berkata Rasullullah *sallallahu alaihiwasallam* bersabda: Berapa banyak orang yang berpuasa tidak ada baginya dari puasanya melainkan lapar dan berapa banyak orang yang bangun beribadah pada malam hari tidak ada baginya dari bangun malamnya kecuali berjaga malam”.

(Hadis riwayat Imam Ahmad)

Semoga Allah *subhanahu wata’ala* mengurniakan kekuatan untuk beribadah serta dikurniakan keikhlasan dan istiqamah kepada kita agar dapat melaksanakan dan melipatgandakan amal ibadah dengan sempurna serta menjauhi larangan. Semoga mendapat rahmat daripada Allah *subhanahu wata’ala* dan memperolehi ganjaran. Amin ya Rabbal ‘alamin.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Mengakhiri khutbah, mimbar menyeru dan mengingatkan kembali beberapa perkara penting dalam khutbah yang telah disampaikan sebentar tadi iaitu:

Pertama: Umat Islam diseru untuk mencintai bulan Ramadan serta menghayati kefardhuan puasa, fadhilat Ramadhan dan seumpamanya kerana ia akan memberi motivasi kepada kita untuk beramal soleh dan melaksanakan ketaatan.

Kedua: Umat Islam diingatkan agar memelihara kewajiban solat dan puasa, memelihara adab berpuasa serta menambah amal ibadah dan kebajikan.

Ketiga: Umat Islam hendak berusaha sebaiknya serta mengharapkan pertolongan Allah *subhanahu wata'ala* dalam mengawal hawa nafsu dari perkara-perkara larangan dan tegahan.

Marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al Baqarah ayat 183:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِنْ
قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

Maksudnya: “Wahai orang yang beriman, kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertakwa.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ

الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum Muslimin yang dirahmati Allah,

Pada musim tengkujuh ini, mimbar menyeru agar kita sentiasa berwaspada dan mengikuti nasihat yang diberikan oleh pihak berkuasa dari masa ke masa sama ada yang berkaitan dengan kemungkinan banjir mahupun keadaan perairan untuk apa sahaja aktiviti. Pada masa yang sama, kita hendaklah sentiasa melakukan kawalan sendiri dengan sebaik-baiknya bagi mengelakkan terdedah kepada bahaya wabak penyakit. Teruskanlah memohon keampunan dan bermunajat kepada Allah *subhanahu wata'ala* agar diangkat segala wabak dan musibah daripada kita dan dikurniakan keselamatan dan kesejahteraan buat diri, keluarga, masyarakat, negeri dan negara.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ
عَلٰى سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ، وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ
وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ، فِي الْعَالَمِيْنَ، اِنَّكَ حَمِيْدٌ مَّجِيْدٌ.
اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْاَحْيَاءِ
مِنْهُمْ وَالْاَمْوَاتِ. اِنَّكَ سَمِيْعٌ قَرِيْبٌ مُّجِيْبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ
الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah ! Ya Rahman ! Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah! Kurniakanlah kami rezeki yang halal lagi diberkati, hindarilah kami dari sebarang bentuk gejala rasuah dan pelanggaran kepada peraturan dan undang-undang. Kurniakanlah

keselamatan dan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan keafiatan. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diingini dan wabak penyakit.

رَبَّنَا أُنْتَ فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يُأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ
الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.